



30 Julai 2013
30 July 2013
P.U. (A) 247

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KAEDAH-KAEDAH PELAJARAN (KINDERGARTEN DAN SEKOLAH ASUHAN) (PENDAFTARAN) (PINDAAN) 2013

EDUCATION (KINDERGARTEN AND NURSERY SCHOOL) (REGISTRATION) RULES REGULATIONS (AMENDMENT) 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENDIDIKAN 1996

PERATURAN-PERATURAN KAEDAH-KAEDAH PELAJARAN (KINDERGARTEN DAN SEKOLAH ASUHAN) (PENDAFTARAN) (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 130(2)(e), (f), (q), (r) dan (s) Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kaedah-Kaedah Pelajaran (Kindergarten dan Sekolah Asuhan) (Pendaftaran) (Pindaan) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2013.

Pemotongan kaedah 17, 18 dan 19

2. Kaedah-kaedah Pelajaran (Kindergarten dan Sekolah Asuhan) (Pendaftaran) 1972 [*P.U. (A) 414/1972*], yang dalam Peraturan-Peraturan ini disebut “Kaedah-Kaedah ibu”, dipinda dengan memotong kaedah 17, 18 dan 19.

Pindaan kaedah 21

3. Kaedah 21 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam nota birai, dengan memotong perkataan “dan permit-permit”; dan

(b) dalam subkaedah (1), dengan memotong perkataan “atau permit untuk mengajar”.

Pindaan kaedah 22

4. Kaedah 22 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam nota birai, dengan memotong perkataan “atau permit”;

(b) dalam subkaedah (1)—

- (i) dengan memotong perkataan “atau kepada pemegang sesuatu permit untuk mengajar”;
- (ii) dengan memotong perkataan “atau permit gantian untuk mengajar”; dan
- (iii) dengan memotong perkataan “atau permit untuk mengajar”;

(c) dalam proviso pertama—

- (i) dengan memotong perkataan “atau permit untuk mengajar”;
- (ii) dengan memotong perkataan “atau pemegang permit”;
- (iii) dengan memotong perkataan “atau permit gantian”; dan
- (iv) dengan memotong perkataan “atau permit”;

(d) dalam proviso kedua—

- (i) dengan memotong perkataan “atau permit gantian untuk mengajar”; dan
- (ii) dengan memotong perkataan “atau pemegang permit”;

(e) dalam subkaedah (2)—

- (i) dengan memotong perkataan “atau permit untuk mengajar”;
- (ii) dengan memotong perkataan “atau permit gantian”; dan
- (iii) dengan memotong perkataan “atau permit”; dan

(f) dalam subkaedah (3)—

- (i) dengan memotong perkataan “atau permit gantian untuk mengajar”;
- (ii) dengan memotong perkataan “atau permit mengajar”; dan
- (iii) dengan memotong perkataan “atau permit”.

Pindaan kaedah 24

5. Kaedah 24 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (c)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “pengelola” perkataan “atau”; dan
- (ii) dengan memotong perkataan “atau guru”; dan

(b) dalam perenggan (d) dengan memotong perkataan “atau permit gantian”.

Pindaan Jadual

6. Jadual Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong Borang K.